

# **lapuran projek**

**KOTA  
DARULNAIM**

**SHAFIE BIN ABDULLAH  
DIPLOMA LANJUTAN SENIBINA  
ITM: 1981/82**

## ISI KANDUNGAN

### PENGHARGAAN

#### 1.0 Pendahuluan

Dewan Undangan Negeri

#### 2.0 Perancangan Tapak

2.1 Lokasi

2.2 Tapak dan Kawasan

2.3 Konsep Perancangan

2.4 Konsep Perancangan Bangunan

2.5 Laluan Keluar Masuk dan Pengedaran

2.6 Oriantasi Bangunan

#### 3.0 Kemudahan Mekanikal dan Sesalur Bekal

3.1 Sistem Letrik

3.2 Sistem Perhubungan

3.3 Lif

#### 4.0 Pilihan Struktur

4.1 Struktur asas.

4.2 Struktur Lantai

4.3 Struktur Bumbung

4.4 Struktur Dinding

#### 5.0 Pencegah Kebakaran

5.1 'Automatic Sprinkler System'

5.2 'Halon System'

5.3 Pemadam Api 'Dry Powder'

5.4 Hose Reel System

5.5 Loceng Kecemasan

5.6 Alat Perhubungan Ahli Bomba.

#### 6.0 Peruntukan Ruang Bangunan

6.3 Anggaran Kos

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Encik Hamid Mohammad penyelia dan penasihat bagi projek rencana tesis ini, segala bimbingan dan nasihat beliau bagi menyiapkan projek ini sangat-sangat di hargai. Ia juga di tujuhan kepada lain-lain penyelia yang pernah saya temui.

Saya juga ingin menyampaikan rasa terhutang budi kepada isteri saya Puan Yusnani kerana telah bersusah payah membantu bagi menyiapkan projek ini.

Juga ucapan penghargaan saya di tujuhan kepada Badan-badan tertentu serta Jabatan-Jabatan yang berkenaan dan juga persatuan yang terlibat semasa kerja-kerja penyediaan dan menyiapkan projek ini di jalankan.

1. Jabatan Menteri Besar
2. J.K.R Kelantan
3. Muzium Negeri
4. Kakitangan Istana Balai Besar
5. Majlis Perbandaran Kota Bharu.
6. Jabatan Bomba
7. Pejabat Kaji Cuaca.

Dan juga kepada berbagai institusi-institusi serta mereka -mereka yang terlibat sama ada secara langsung atau pun tidak, di atas segala maklumat yang mereka berikan sungguh berguna.

Diatas segala jasa baik mereka, sekali lagi jutaan terima kasih saya ucapkan. Semoga Allah sahaja yang akan membalasnya.

## 1.0 PENDAHULUAN

Rancangan untuk membina komplek kerajaan ini akan menambahkan lagi satu cabang kemajuan bagi negeri Kelantan. Ujurnya ia adalah selaras dengan perkembangan- perkembangan penting di dalam pertumbuhan politik tanah air.

Pengabungan parti- parti politik untuk membentuk sebuah kerajaan perwakilan penoh akan dapat menggembangkan semua kepakaran yang ada dalam usaha untuk mengujudkan perkhidmatan yang lengkap bagi Negeri Kelantan. Demontrasi kerukunan ini dapat di lihat melalui penglibatan terus oleh pemimpin- pemimpin,

Dengan itu komplek Kota Darulmain akan menjadi satu pusat saraf perancangan yang berkesan dan pelaksana pembangunan padu, berlandaskan garis- garis hadapan. Bukan sahaja untuk masa hadapan yang boleh diramalkan, bahkan untuk jenarasi- jenerasi yang akan datang.

Adalah menjadi harapan dan keyakinan bahawa bangunan komplek baru ini akan menjadi satu lambang gemilang sebagai inspirasi rakyat. Masyarakat yang demokrasi membolehkan kemajuan masa depan yang lebih cerah berdasarkan kepada keamanan, harmoni, disiplin dan peraturan awam.

## DEWAN UNDANGAN NEGERI

Bangunan Dewan Undangan Negeri berdiri tegak sebagai satu lambang kemegahan bagi kepercayaan penuh kita di dalam demokrasi berparlimen, ia merupakan pusat-saraf bagi cara hidup kita yang cintakan kebebasan. Oleh kerana Dewan Undangan Negeri adalah sebuah badan mulia dan penting seluruh anggotanya terdiri daripada perwakilan rakyat kita sendiri yang dipilih secara bebas dan langsung, sekurang-kurangnya lima tahun sekali untuk memenuhi kepentingan Negara kita yang dicintai.

Ia merupakan dewan Undangan tunggal yang menggolongkan sistem kerajaan bermenteri sebagai cabang eksekutifnya. Kesemua 36 orang ahli itu dipilih secara langsung daripada kawasan undi berahli tunggal yang berdasarkan kepada hak mengundi orang dewasa sedunia yang meliputi seluruh negara. Di sinilah terletaknya kuasa terakhir bagi semua tindakan kerajaan negeri kita - tentunya seterasing daripada hal-hal kerajaan Pusat yang tertentu yang diperuntukkan bagi Dewan Negeri.

Ketua parti yang menguasai keyakinan kebanyakan daripada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri menjadi ketua menteri dan membentuk kerajaan Negeri. Daripada kalangan Anggota-anggota Dewannya ia boleh melantik sekurang-kurangnya lapan orang lain menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan. Majlis Tertinggi bertanggongjawab kepada Dewan Undangan Negeri khasnya dan terhadap rakyat umumnya.

Semua mesyuarat Dewan Undangan Negeri adalah dipengerusikan oleh seorang speaker yang dilantik dari ahli-ahli yang dipilih atau mempunyai kelayakkan sebagai Ahli Dewan Undangan yang dipilih.